



**PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA PADA 8 APRIL 2021 (KHAMIS)**

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang pendaftaran yang berkaitan dan bertaraf **Bumiputera** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan dan bekalan berikut:-

| Bil | Butir-butir Tawaran   | Harga Dokumen Tawaran | Syarat Pendaftaran Kod Bidang   | Tarikh Tutup Sebut Harga      |
|-----|---|-----------------------|---|-------------------------------|
| 1.  | <b>SEBUT HARGA: PKwNS/SH/01/2021</b><br><br><b>Perkhidmatan Mereka Bentuk, Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku Penyata Kewangan Tahun 2020, Buku Belanjawan Tahun 2022, Buku Perjawatan, Flyers Dan Bunting Bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.</b><br><br>(Pemilik syarikat digalakkan hadir untuk melihat sendiri sample/contoh buku, flyers dan bunting) | <b>RM50.00</b>        | <b>221601</b><br>Mencetak, Buku, Majalah, Laporan Akhbar<br><br>dan<br><br><b>221615</b><br>Rekabentuk Percetakan<br>( <i>Printing Design</i> ) | <b>22 April 2021 (Khamis)</b> |

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai **12 April 2021 (Isnin)** pada waktu **9.00 pagi hingga 3.30 petang** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Tingkat 5, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan perlu dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok C, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**.

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 22 April 2021 (Khamis)**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Laman Sesawang Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan (<http://pkwns.ns.gov.my>). Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh di antara satu (1) hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebut harga. Bagi penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Laman sesawang PKwNS adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga tersebut.